

DEFINISI QAWA'ID AL-TADABBUR: SATU ANALISIS PERBANDINGAN DENGAN QAWA'ID AL-TAFSIR.

(THE DEFINITION OF QAWA'ID AL-TADABBUR: A COMPARISON
ANALYSIS WITH QAWA'ID AL-TAFSIR)[Ⓒ]

Nurul Zakirah Mat Sin¹

ABSTRACT

Qawa'id al-Tadabbur is a methodology or an approach to understand in great depth by mind, heart and soul the meaning of the Quran either implicitly or explicitly. Meanwhile, Qawa'id al-Tafseer is a discipline for mufasssireen to analyze and comprehend the meaning of Quran. However, the definition of Qawa'id al-Tadabbur encountered some views and criticism. This article provides enlightenment on the meaning and definition of Qawa'id al-Tadabbur and the comparison with Qawa'id al-Tafseer. Hence, the comparison of the definitions and concepts for both Qawa'id will explain the differences and the relationship between them.

Keywords: *definition, Qawa'id al-Tadabbur, an approach, Qawa'id al-Tafseer, comparative studies.*

[Ⓒ] This article was submitted on: 26/11/2013 and accepted for publication on: 11/06/2014.

¹ Pelajar PhD di Jabatan al-Quran & Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
nuzikra85@yahoo.com

ABSTRAK

Qawa'id al-Tadabbur adalah suatu manhaj atau pendekatan untuk memahami dan mendalami makna al-Quran samada secara tersirat mahupun tersurat. Manakala Qawa'id al-Tafsir adalah suatu disiplin ilmu bagi pentafsir untuk menghurai serta mengupas makna al-Quran. Namun, definisi Qawa'id al-Tadabbur berdepan dengan beberapa kritikan dan pandangan. Artikel ini memberi pencerahan makna dan definisi Qawa'id al-Tadabbur serta perbandingan dengan Qawa'id al-Tafsir. Justeru, perbandingan definisi dan konsep bagi kedua-dua Qawa'id tersebut akan memberikan penjelasan perbezaan dan perkaitan antara keduanya.

Keywords: *Definisi, Qawa'id al-tadabbur, manhaj, Qawa'id al-Tafsir, perbandingan.*

1.0 PENDAHULUAN

Al-Qur'an diturunkan menjadi panduan dan pengajaran bagi umat manusia. Tuntutan al-Quran bukanlah sekadar membaca, bertarannum, menghafal semata-mata. Bahkan, bacaan al-Quran tersebut perlu dihayati melalui amalan *tadabbur* bagi memenuhi tuntutan utama al-Quran sebagai panduan kehidupan. Kewajipan *tadabbur* telah dijelaskan oleh Allah s.w.t melalui ayat yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w ketika fasa Makkah, sepertimana firman Allah s.w.t:

﴿ كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴾

Maksudnya: "Ini adalah sebuah Kitab yang kami turunkan kepadamu penuh dengan barakah supaya mereka memperhatikan ayat-ayatnya dan supaya mendapat pelajaran bagi orang-orang yang mempunyai fikiran". Sad (38): 29

Kesedaran ilmu *tadabbur* amat penting diterapkan terhadap individu muslim agar masyarakat kembali kepada penghayatan al-Quran yang sebenar. Ini kerana sekiranya umat Islam tidak mampu menilai keistimewaan al-Quran sebagai anugerah yang memberi petunjuk yang benar, adakah mereka dapat memahami tuntutan kehidupan sebagai hamba kepada Penciptanya? Demikian itu, *tadabbur* menjadi suatu tuntutan dan ia perlu kepada panduan. Ulama' mendatangkan garis panduan yang terbaik dalam usaha mendekatkan masyarakat dengan al-Quran.

2.0 PENGENALAN QAWA'ID AL-TADABBUR

Sejarah membuktikan banyak generasi al-Quran yang telah berjaya apabila umat Islam pernah menguasai sepertiga dunia menerusi ilmu pengetahuan

daripada al-Quran. Mereka dihormati dan disegani kerana mempunyai nilai kelimuan, ketamadunan dan kemanusiaan yang tinggi. Hakikat itu berlaku apabila Rasulullah s.a.w dan para sahabat menjadikan al-Quran al-Karim sebagai paksi dalam kehidupan. Sirah memaparkan pendekatan Rasulullah s.a.w dan para sahabat r.h.m ketika berinteraksi dengan ayat-ayat Allah s.w.t adalah begitu mengujakan. Mereka amat terkesan dengan didikan dan asuhan al-Quran melalui contoh nyata yang dibuktikan oleh Rasulullah s.a.w yang masyhur sebagai 'al-Quran yang bergerak'¹. Pelbagai kisah para sahabat dan salaf al-salih turut direkodkan berkenaan reaksi mereka dengan al-Quran. Kisah-kisah tersebut jelas menggambarkan amalan *tadabbur* amat sehati dalam kehidupan mereka dan meninggalkan kesan terhadap jiwa. Justeru, pendekatan asas bagi kaedah *mentadabbur* adalah berdasarkan tahap kemampuan seseorang berinteraksi dengan ayat-ayat al-Quran, bersumberkan tafsir yang sahih dan panduan *ulum al-Quran* yang tepat.

Kemahiran *tadabbur* dapat dipupuk berdasarkan kegigihan usaha pembaca atau pengkaji mendekati, memerhati dan menyelami makna ayat-ayat al-Quran secara berulang-ulang kali. Melalui pendekatan tersebut seseorang mampu mengadaptasi kaedah *tadabbur* yang sesuai untuk memahami, menghayati kehendak maksud ayat-ayat al-Quran secara menyeluruh berlandaskan isyarat dalil-dalil tertentu. Ringkasnya, usaha *mentadabbur* memerlukan panduan yang benar dan kaedah yang sesuai. Kaedah-kaedah tersebut sebagai garis panduan yang membuka jalan pencerahan untuk membantu *pentadabbur* memahami, mengkaji dan menghayati makna ayat-ayat al-Quran. Selain itu melalui *tadabbur* pelbagai kajian dan penelitian dapat dilakukan terhadap ayat-ayat Allah s.w.t. sehingga kefahaman makna al-Quran dapat dikembangkan secara mendasar.

Justeru itu, *Qawa'id al-tadabbur* yang ditulis oleh Syaikh Abd al-Rahman² adalah satu contoh pengkajian yang menghasilkan beberapa sampel kaedah *mentadabbur*. Beliau mengupas beberapa pendekatan *tadabbur* yang begitu

¹ Sa'id bin Hisyam r.a mengatakan: "Saya telah masuk menghadap Saidatina Aisyah dan bertanyakannya mengenai akhlak Rasulullah s.a.w. Lalu beliau berkata: Adakah kamu membaca al-Quran? Saya menjawab: Sudah tentu. Lalu beliau menyambung lagi: "**Akhlak Rasulullah s.a.w adalah seperti al-Quran.**" (Bukhari & Muslim) rujuk al-Bukhari, *Adab al-Mufrad*. Lihat Surah al-Qalam, ayat 4: "*Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) mempunyai akhlak yang terpuji*". Sabda Nabi saw : "*Sesungguhnya aku diutuskan dengan tujuan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia*". (Diriwayatkan oleh Ibnu 'Abd al-Bar dan dinilai sahih oleh al-Albaniy).

² Abd al-Rahman Habannakah (2004) *Qawa'id tadabbur al-Amthal li Kitab Allah*. Damsyik: Dar al-Qalam, cet.3.

signifikan untuk memahami dan mencermati ayat al-Quran berdasarkan konteks perbahasan. Penulisan *Qawa'id al-tadabbur* tersebut mengangkat kesedaran dan nilai kepentingan *mentadabbur* al-Quran berlandaskan garis panduan tertentu.

Saidina Ali r.a pernah menyebut proses mendalami al-Quran akan mendatangkan hasil seperti berikut;

"..al-Quran ini sifatnya tidak pernah kering untuk dikaji oleh para ulama, sesiapa yang berkata dengannya adalah benar, sesiapa yang beramal dengannya mendapat ganjaran, sesiapa yang berhukum dengannya adalah adil, sesiapa yang berdoa dengannya akan mendapat maqbul hajat yang dipinta".¹

Rumusannya, kata-kata tersebut menunjukkan kepada kelebihan dan mukjizat al-Quran yang terbentang luas merentasi budaya, zaman dan kepakaran manusia. Oleh itu, mukjizat al-Quran menjadi pembuktian dan pengukuhan kebenaran kitab suci yang diturunkan kepada nabi Muhammad s.a.w yang tidak akan pernah selesai dengan penemuan baru.

2.1 Definisi *Qawa'id*

Takrifan *Qawa'id* [قواعد] menurut bahasa² merupakan perkataan *jama'* kepada *qaedah* [قاعدة], berasal daripada perkataan *qa'ada* [قعد] yang bermaksud duduk. Perbuatan duduk menunjukkan keadaan seseorang yang bertapak, mempunyai asas dan kukuh. Maka, perkataan *qa'ada* lebih jelas yang menerangkan maksud usul dan asas bagi perkara yang dibina atasnya selain daripada unsur-unsur lain yang bergantung dengannya. Setiap kaedah adalah asas atau faundasi bagi apa yang berada di atasnya. Sebagai contoh, kaedah bagi rumah adalah asasnya iaitu struktur tapak rumah.

Manakala, takrifan istilah bagi *Qawa'id* mempunyai pelbagai definisi oleh para ilmuan. Istilah [قاعدة] menurut al-Jurjani [740H]: "permasalahan yang umum

¹ Ibn Taimiyah, *Syarah Muqaddimah Tafsir*, ed. Muhammad Salih al-'Uthaimin, Salih bin Abd al-Aziz. (Kaherah: Dar Ibn Hazm, 2008), 33.

² Rujuk *Mu'jam Maqayis al-Lughah*, asal daripada قعد , jil.5/109, *Lisan al-'Arab*, perkataan قعد , jil.3/128, *Mu'jam al-Wasit*, perkataan قعد , jil.2/748.

(menyeluruh) dipraktikkan atas seluruh permasalahan *juz'iyat* (pecahannya).”¹ Mustafa Ahmad al-Zarqa' dalam kitabnya *al-Madkhal al-Fiqhu al-'Ammu*, menyatakan kalimah *Qawa'id* membawa makna hukum yang dipraktikkan ke atas keseluruhan masalah *juz'iyat*.² Di kalangan ulama' Usul Fiqh ada yang menjelaskan pengertian *qawa'id* dari segi istilah dengan makna; “hukum *kulli* atau bersifat umum yang dipraktikkan ke atas semua hukum *juz'i* untuk mengetahui hukum daripadanya.”³ Manakala catatan penulisan syaikh Khalid al-Sabt di dalam buku *Qawa'id al-tafsir*, kebanyakan para ulama' mendatangkan takrifan *Qawa'id* yang hampir sama sepertimana berikut;⁴

“هي حكم كلي يتعرف به على أحكام جزئياته”

“*kaedah* adalah suatu hukum yang bersifat umum (menyeluruh); dan diketahui melaluinya pecahan-pecahan hukum yang berkaitan dengannya”

Kesimpulannya, *Qawa'id* jelas menunjukkan kepada suatu hukum atau disiplin ilmu yang tertumpu kepada pendekatan khusus yang menyeluruh. Disiplin ilmu tersebut adalah sepertimana penulisan *Qawa'id al-tafsir*, *Qawa'id al-fiqhiyah*, *Qawa'id al-tarjih*, *Qawa'id al-Istinbat*, *Qawa'id al-Lughah* dan sebagainya. Lazimnya, penulisan yang bersandarkan kepada *Qawa'id* membincangkan perbincangan yang tertakluk kepada disiplin ilmu atau garis panduan tertentu. Walaubagaimanapun, istilah *Qawa'id al-tadabbur* adalah suatu yang baru dan ia belum pernah ditonjolkan melainkan oleh Syaikh Abd al-Rahman di dalam kitab karangannya iaitu *Qawa'id al-tadabbur al-Amthal li kitab Allah*. Justeru, artikel ini cuba menilai kedudukan dan kesesuaian bagi istilah *Qawa'id* kepada perbuatan *tadabbur* menerusi pentakrifan definisi.

2.2 DEFINISI *TADABBUR*

2.2.1 *Tadabbur* menurut bahasa

¹ Al-Jurjani. al-Ta'rifat, 219. Penyataan [قضية كلية منطبقة على جميع جزئياتها]

² Mustafa Ahmad al-Zarqa' (1998) *al-Madkhal al-Fiqhu al-'Ammu*. 965.

³ Abdul Latif Muda, Rosmawati Ali (2000) *Perbincangan Kaedah-kaedah Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 4.

⁴ Khalid Uthman al-Sabt, *Qawa'id al-Tafsir jam'an wa dirasah*. Cet.2 (Kaheerah: Dar Ibn Affan, 2008), jil.1, 23.

Perbincangan definisi *tadabbur* rata-rata ulama' sepakat dan tidak banyak perbezaan. Penulis akan menghuraikan konsep *tadabbur* bermula dengan takrifan bahasa dan juga istilah. Perkataan *tadabbur* daripada pecahan kalimah¹;

- i. *dabbara* (دبر) - mengatur, merencana dan membuat perancangan.
- ii. *tadabbar* (تدبر) - merenung, memikirkan, memperhatikan.
- iii. *tadabbur* (تدبر) - renungan, pemerhatian.

Merujuk kepada kamus bahasa, *tadabbur* berasal daripada perkataan: (د ب ر) yang menunjukkan kepada beberapa makna²:

- i. Pergi, beralih dan bersurai. (*az-zihab wa al-insiraf*)³
- ii. Penghujung sesuatu. (*mu'akhirah syai*)⁴
- iii. Penelitian kepada penghujung dan perkara selepasnya. (*al-nazr fi 'awaqib al-umur wa awakhirih*)
- iv. Pertemuan dan perpindahan. (*al-Tuqati'u wa al-hijran*)

Ahli bahasa Ibn Faris [395H] menyebut:

“*dabbara* (دبر) memberi maksud penghujung bagi sesuatu (آخر الشيء), di belakang atau berlawanan bagi hadapan”.⁵

Makna *tadabbur* secara umum menurut Lisan Arab menunjukkan:

- a. *Tadabbur* ialah penelitian terhadap perkara di sebaliknya.⁶

¹ *Mu'jam Wasit*, 269. *Mujam al-Lisan al-'Arab*, 1317. *Kamus BA-BM*. Selangor: Oxford Fajar, 135.

² 'Uwayd al-'Atawi. *al-Tadabbur 'inda al-Lughawiyin* (Kertas Kerja Persidangan *Mathum Tadabbur tahrir wa ta'sil*. Markaz *Tadabbur*, 2009), 17-20.

³ al-Farahidi, Al-Khalil bin Ahmad. *al-'Ain*, lihat perkataan دبر.

⁴ *Ibid*, lihat pada perkataan دبر. al-Zamakhshari, *Asas al-Balaghah* menerangkan perkataan دبر.

⁵ Ibnu Faris. *Mu'jam Maqayis Lughah*, jil.2, 266. *Mathum Tadabbur al-tahrir wa ta'sil*, 20-21.

⁶ *Lisan al-Arab*, jil.4, 273. al-'Askari. *Furu' al-Lughawiyah*, 58. Jurjani. *Ta'rifat*, 76. al-Qurtubi. *Jami' li al-Ahkam al-Quran*, jil.5, 290. al-Tabari. *Jami' al-Bayan li Ta'wil al-Quran*, jil.1, 87, jil.5, 180.

- b. *Tadabbur* ialah memikirkan perkara di sebalik sesuatu. Proses ini berlaku melalui *pemerhatian*, berfikir terhadap hakikat sesuatu atau sebahagiannya, memerhatikan perkara disebaliknya.¹
- c. *Tadabbur* menunjukkan perbuatan yang memerlukan kesungguhan dan melalui proses yang berulang-ulang.²

Asas bagi perkataan (تَدَبَّرَ) terbina daripada bentuk (تَفَعَّلَ). Perkataan yang berbentuk (التَّفَعُّلُ) menunjukkan kepada perbuatan yang dilakukan dengan penuh usaha. Jelas di sini menunjukkan amalan *tadabbur* memerlukan usaha untuk meneliti maksud ayat secara berulang-ulang kali sehingga mencapai kefahaman makna yang sempurna dan bertepatan dengan kehendak Allah s.w.t. Umumnya, makna *tadabbur* dapat difahami sebagai *tafakkur* iaitu memikirkan tentang suatu perihai. Ini menjelaskan *tadabbur* memerlukan perbuatan akal yang memikirkan petunjuk-petunjuk bagi dalil yang difikirkan. Di samping itu, amalan *tadabbur* juga tidak dapat dipisahkan daripada perbuatan hati yang berperanan untuk menghayati mesej-mesej yang terkandung daripada dalil al-Quran. Justeru, sebahagian ilmuwan membezakan *tadabbur* dan *tafakkur*. Mereka berpandangan, *tadabbur* menggunakan hati untuk merenung perkara yang tersirat, manakala *tafakkur* menggunakan fikiran untuk meneliti petunjuk-petunjuk dalil.

2.2.2 *Tadabbur* menurut Istilah

Setelah menyemak pengertian *tadabbur* dari sudut bahasa, kalimah *tadabbur* menurut pengertian istilah turut mempunyai pelbagai kupasan oleh para ulama'. Melalui dapatan penulis kebanyakan takrifan ulama tafsir mengenai kalimah *tadabbur* menerangkan makna yang hampir serupa dan tiada perselisihan sepertimana berikut³:

al-Zamakhshari [m.538H] berkata: "*tadabbur* itu pemerhatian terhadap makna-makna ayat dengan penuh penghayatan. Ia berlaku dengan memikirkan maksud

¹ Mahmud al-Alusi. *Ruh al-Ma'ani fi al-Tafsir al-Quran al-'Adzim*. juz.5, 92.

² Musa'id bin Sulaiman bin Nasir al-Tayyar. *Mathum al-Tafsir wa al-Takwil wa al-Istinbat wa al-Tadabbur wa al-Mufassir* (Jeddah: Dar al-Jawzy, 2002),185. *Ibid.*, (2009) *Mathum Tadabbur al-Quran*. (Kertas Kerja Persidangan *Mathum Tadabbur tahrir wa ta'sil*). Markaz *Tadabbur*. 69.

³ *Mathum Tadabbur*, 93-94.

ayat sehingga mencapai pengetahuan makna di sebalik ayat tersebut berdasarkan ta'wilan yang sah serta makna yang relevan"¹.

al-Qurtubi [m.671H] menyatakan *tadabbur* ialah memikirkan dengan mendalam terhadap ayat dan makna-maknanya.²

al-Khazin [m.741H] mengatakan *tadabbur* adalah menghayati makna ayat, memikirkan hikmahnya, memerhatikan pengajaran penting dalam ayat.³

Abu Hayyan [m.745H] berpandangan *tadabbur* ialah *tafakkur* terhadap ayat-ayat, melakukan *ta'amu* dengan memerhatikan kepada maksud atau perkara tersirat bagi zahir ayat.⁴

Muqatil bin Sulaiman [m.767H] mengatakan *tadabbur* adalah pemerhatian (*ta'amu*) terhadap makna-makna ayat dan memperdalamkan fikiran terhadap makna tersebut daripada sudut asasnya, maksud tersirat, dan keperluannya.⁵

al-Suyuti [m.911H] berpendapat berkenaan *tadabbur*: "Hati memainkan peranan untuk memikirkan makna bagi ayat-ayat yang dilafazkan. Seseorang itu perlu mengetahui maksud bagi setiap ayat yang dibacanya, menghayati ayat-ayat seruan perintah dan larangan. Seolah-olah dia pasti menerima dan melaksanakannya, sekiranya dia tidak melakukannya dengan sebab-sebab kecuaiannya maka dia memohon keampunan. Apabila sampai kepada ayat yang menceritakan rahmat Allah dan khabar gembira, dia segera memohon kebaikan tersebut, atau apabila sampai kepada ayat azab dia memohon perlindungan agar dijauhkan daripadanya. Ayat-ayat yang membesarkan dan mensucikan Allah dia bertasbih dan bertahmid kepada-Nya, dan ayat-ayat berbentuk doa dia berdoa dengan penuh *tawadhu*' dan pengharapan."⁶

¹ al-Zamakhshari. *Tafsir Al-Kasyaf 'An Haqa'iq at-Tanzil Wa 'Uyun al-Aqawil Fi Wujuh at-Ta'wil*, jil.1, 284.

² al-Qurtubi. *Jami' li al-Ahkam al-Quran*, jil.5, 290.

³ al-Khazin. *Lubaab al-Ta'wil fi ma'aani al-Tanzil*, jil.2, 137.

⁴ Abu Hayyan. *al-Bahr al-Muhit*, jil.9, 338.

⁵ Maqatil bin Sulaiman. *Tafsir al-Maqatil*, jil.1, 335.

⁶ al-Suyuti. *al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*, jil.1, 300.

Manakala, pentakrifan *tadabbur* menurut Syaikh Abd al-Rahman Habannakah [w.1425H] adalah penghayatan pemikiran yang menyeluruh terhadap maksud ayat yang termampu dicapai. Ia merupakan keupayaan memahami kehendak ayat dengan sejauh mungkin lontaran makna yang sampai kepada penghujung maksud ayat al-Quran menerusi isyarat-isyarat ayat tersebut.¹

Berdasarkan pendapat-pendapat di atas, penulis dapat merumuskan bahawa *tadabbur* adalah proses memahami dan menghayati ayat-ayat al-Quran berdasarkan isyarat-isyarat ayat tersebut, sehingga mencapai maksud ayat secara menyeluruh. *Tadabbur* berlaku apabila seseorang terkesan dengan mesej al-Quran sehingga membuahkan kepada amalan dan tindakan mengikut acuan al-Quran. Oleh itu, tidak dikira mentadabbur mereka yang membaca atau mendengar seruan daripada ayat-ayat al-Quran tanpa kefahaman dan penghayatan. Menepati tujuan utama al-Quran itu diturunkan untuk difahami dan dihayati serta diamalkan dalam kehidupan. Ringkasnya, *tadabbur* merupakan matlamat manakala ilmu tafsir menjadi alat atau medium untuk mencapai *tadabbur*. Secara jelas, ini membuktikan bahawa *tadabbur* bukanlah tafsir. Bahkan, ilmu tafsir berfungsi untuk menerangkan dan menghuraikan makna bagi ayat-ayat al-Quran.

Selain itu, amalan *tadabbur* sinonim dan berkait rapat dengan *tafakkur* iaitu merenung dan memikirkan sesuatu dengan bersungguh-sungguh, menumpukan segenap perhatian dan fikiran pada sesuatu.² Jika dicermati perbuatan *tadabbur* dikhususkan hanya kepada al-Quran, tidak kepada perkara yang lain kerana ini menunjukkan ketinggian mukjizat al-Quran. Untuk menyingkap pelbagai hikmah dan kemukjizatan al-Quran secara tepatnya memerlukan kepada proses *tadabbur*. Justeru, proses *tadabbur* melibatkan elemen pancaindera, akal dan hati untuk memahami, mendalami, menghayati pengertian ayat-ayat al-Quran sehingga mencapai hikmah-hikmahnya serta tujuan utama ayat tersebut diturunkan, pengajaran ayat yang diperolehi serta akhirnya beramal dalam kehidupan. Tegasnya, *tadabbur* merupakan amalan penting yang amat digesa oleh Allah s.w.t kepada manusia agar segala tuntutan al-Quran dapat dilaksanakan.

2.3 KESIMPULAN QAWA'ID AL-TADABBUR

¹ Abd al-Rahman Habannakah (2004) *Qawa'id tadabbur al-Amthal li Kitab Allah*. Damsyik: Dar al-Qalam, 10.

² Kamus Dewan, ed. ke-4, 1566.

Rumusan yang diperolehi daripada huraian di atas, menunjukkan gabungan istilah *Qawa'id* dan *al-tadabbur* menjelaskan maksud sebagai kaedah-kaedah, disiplin ilmu atau satu pendekatan tertentu untuk men*tadabbur* al-Quran. Penulisan *Qawa'id* dan *al-tadabbur* oleh syaikh Abd al-Rahman adalah suatu sample kaedah *tadabbur* yang digariskan kepada pentadabbur. Tidak dinafikan seseorang yang bertadabbur perlu kepada panduan dan landasan ilmu yan benar untuk mendapatkan hasil kefahaman yang sah. Melalui usaha pembacaan, pengkajian dan penghayatan yang berulang-ulang dapat memupuk kemahiran *tadabbur*. Setiap orang yang membaca al-Quran dengan disertai kefahaman dan penghayatan makna mampu terkesan dengan al-Quran. Pandangan Imam al-Suyuti [m.911H] berkenaan *tadabbur*,¹

“Disunatkan membaca al-Quran beserta *tadabbur* dan kefahaman. Demikian, menunjukkan suatu maksud yang besar dan tuntutan yang amat penting. Ini kerana melalui *tadabbur* dan faham akan beroleh ketenangan, kelapangan hati dan penerangan jiwa. FirmanNya dalam surah Sad:29, maksudnya: “*Kami turunkan kitab al-Quran kepada kamu (Muhammad) penuh barakah agar mereka dapat mentadabbur ayat-ayatnya*”. Demikian juga dalil daripada surah an-Nisa’:82, [... أفلا يتدبرون القرآن] maksudnya: “*tidakkah mereka mentadabbur al-Quran?!*”. Ayat-ayat tersebut menyifatkan *tadabbur* sebagai: menyibukkan hati dan menumpukan sepenuh penghayatan dan pemikiran terhadap apa yang dilafazkan, sehingga dapat diketahui makna bagi keseluruhan ayat. Hasil kefahaman ayat dapat diperhatikan suruhan dan larangan sehingga semua perkara tersebut mampu diterima. Sekiranya bacaan sampai kepada ayat-ayat yang mengancam mohonlah keampunan dan apabila sampai kepada ayat-ayat rahmah mohon dan mintalah kegembiraan tersebut. Demikian juga sekiranya ayat tersebut menyebut tentang azab mohonlah perlindungan, atau ayat-ayat yang berupa doa maka mohonlah dengan penuh hajat dan berharap.”

Imam al-Suyuti telah menerangkan tuntutan *tadabbur* dan kesannya kepada diri dan jiwa seseorang yang membaca al-Quran. Di samping itu, perintah *tadabbur* adalah jelas merupakan seruan daripada Allah s.w.t dan usaha *tadabbur* dapat dilakukan melalui pelbagai cara, teknik, kaedah dan pendekatan

¹Al-Suyuti, Jallal al-Din ‘Abd al-Rahman. *al-Itqan fi Ulum al-Quran*. cet.1 (Beirut: Dar kutub al-Ilmiah) jil.1, 216-217. Imam al-Suyuti mengulas dalam permasalahan: Disunatkan membaca al-Quran dengan *tadabbur* dan kefahaman, dalam bab *Adab tilawah al-Quran dan karyanya*.

untuk memahami, menghayati, menggambarkan sentuhan mesej yang disampaikan oleh Kalam Allah s.w.t. Segala larangan dan suruhan yang terkandung di dalam al-Quran menjadi sebatian apabila seseorang itu beriman dan senantiasa melazimi membaca serta mentadabbur seruan tersebut. Justeru, kefahaman al-Quran yang sah perlu kepada panduan yang benar dan sumber ilmu yang muktabar sebagai sandaran dan rujukan.

3.0 KRITIKAN DAN PENILAIAN ISTILAH *QAWA'ID AL-TADABBUR*

Gabungan dua istilah *Qawa'id* dan *tadabbur* menghasilkan maksud sebagai teknik, panduan, disiplin ilmu tertentu untuk memahami, menghayati makna ayat-ayat al-Quran. Istilah *Qawa'id al-tadabbur* masih lagi baru diperkenalkan dan diperbincangkan oleh para ilmuwan. Istilah tersebut telah dipelopori oleh syaikh Abd al-Rahman menerusi penulisan kitab *Qawa'id al-tadabbur* sebagai usaha beliau untuk menonjolkan kepentingan amalan *tadabbur* kepada masyarakat. Kaedah-kaedah yang dirumuskan oleh syaikh Abd al-Rahman merupakan suatu nilai *tadabbur* yang tinggi menurut dapatan dan hasil pengkajian beliau terhadap ayat-ayat Allah s.w.t. Melalui ilham yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t dan kegigihan beliau yang berterusan mendekati makna-makna al-Quran, melahirkan suatu kemampuan kepada beliau untuk mencapai tahap *tadabbur* yang tinggi.

Walau bagaimanapun, istilah *Qawa'id al-tadabbur* yang ditonjolkan oleh beliau dilihat kurang tepat menurut pandangan penulis dan terdedah kepada kritikan. Penggunaan istilah *Qawa'id al-tadabbur* yang merujuk kepada maksud 'kaedah-kaedah *tadabbur*' atau 'disiplin ilmu yang khusus untuk mentadabbur' oleh pengarang adalah lebih sesuai kepada istilah *manhaj*¹ *al-tadabbur*. Penulis lebih cenderung kepada istilah *manhaj al-tadabbur* yang lebih tepat kerana ia adalah 'pendekatan untuk mentadabbur al-Quran' yang menggunakan pelbagai cara yang luas, perspektif, tahap dan kemampuan yang berbeza bagi setiap orang yang berinteraksi dengan al-Quran. Suatu kewajaran dikatakan setiap orang mempunyai pelbagai teknik dan cara tersendiri yang berbeza dalam usaha memahami dan menghayati maksud ayat-ayat al-Quran. Namun, matlamatnya tetap sama adalah untuk mencapai *tadabbur*. Boleh jadi, idea *Qawa'id al-tadabbur* itu lahir daripada pemikiran pengarang yang menjadi dasar keyakinan dan kepercayaan beliau terhadap penemuan cara dan pendekatan khusus bertadabbur al-Quran.

¹ *Manhaj* ialah metode, prinsip, jalan atau garis panduan untuk mencapai matlamat tertentu.

Rujuk *Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*, lihat perkataan *منهج*, h.1234.

Melalui pelbagai wasilah digunakan untuk mencapai *tadabbur* antaranya melalui ilmu tafsir, terjemahan, ilmu bahasa dan ilmu-ilmu berkaitan dengannya. Persoalannya ialah jalan atau wasilah yang dipilih untuk membentuk kefahaman itu? Adakah wasilah itu membawa kepada kefahaman yang menyeluruh dan menepati kehendak Allah s.w.t atau menyeleweng dan tersasar dari kebenaran. Demikian itu, perlu kepada penguasaan ilmu *Qawa'id al-Tafsir* untuk membantu menjelaskan makna-makna al-Quran itu berdasarkan sumber dalil-dalil dan kaedah-kaedah yang tepat yang menghuraikan makna al-Quran.

Para pentafsir menggunakan pendekatan yang pelbagai dan berbeza untuk memahami dan menghayati maksud al-Quran tanpa menyatakan ia sebagai 'kaedah *tadabbur*' atau sebagai panduan *tadabbur* secara khusus yang terikat dengan disiplin ilmu tertentu. Namun, untuk melakukan pentafsiran seorang pentafsir juga harus melalui proses *tadabbur* dan seharusnya menguasai tahap-tahap *tadabbur* tersebut. Oleh itu, boleh jadi penggunaan istilah *Qawa'id* yang dimaksudkan oleh pengarang bersifat khusus kepadanya. Ia adalah teknik-teknik yang dirumuskan oleh beliau melalui praktis yang berterusan untuk menghayati ayat-ayat al-Quran.¹ Syaikh meyakini pendekatan *tadabburnya* mampu menjadi pegangan dan panduan kepada masyarakat untuk memahami dan menghayati al-Quran. Oleh sebab itu, dinamakan usaha *tadabbur* beliau sebagai kaedah *tadabbur*. Namun, berdasarkan huraian di atas penulis tetap lebih cenderung kepada makna *manhaj* yang lebih luas dan umum berbanding istilah *Qawa'id* yang terlalu terikat dan terhad. Ini kerana perlu diperluaskan cara pemahaman dan pendekatan untuk mendalami dan memahami al-Quran berasaskan isyarat-isyarat yang tepat dan panduan ilmu-ilmu tertentu.

Penulis juga berpandangan adalah lebih mudah sekiranya digabungkan 40 *Qawa'id al-tadabbur* syaikh Abd al-Rahman kepada beberapa 'prinsip'². Demikian itu, bagi memudahkan kefahaman dan mencerna sejumlah besar *Qawa'id al-tadabbur* tersebut kepada beberapa prinsip utama yang lebih

¹ *Qawa'id* yang dimaksudkan beliau merupakan beberapa teknik formula *tadabbur* yang ditemui oleh beliau setelah berulang-ulang kali melakukan amalan memerhati, merenung dan menghayati ayat-ayat al-Quran.

² Rujuk New Kamus Oxford (English-Malay, Malay-English), 613. Prinsip; "suatu asas pegangan, pendirian, kepercayaan dan keyakinan yang diyakini betul. Ia juga sebagai peraturan atau disiplin yang terikat dengan undang-undang atau hukum. Prinsip juga adalah idea-idea dan pemikiran yang dipercayai". Menerusi kaedah tertentu akan melahirkan prinsip yang menjadi asas kepada pemikiran, kepercayaan dan pegangan yang diyakini. Prinsip tersebut menjadi panduan kepada orang lain untuk bergantung dan berpegang dengannya.

ringkas. Penonjolan prinsip sesuai kerana ia bersifat asas, suatu sistem, cara yang lebih luas dan umum berbanding *Qawa'id* adalah pendekatan yang bercirikan khusus dan cara-caranya terikat kepada disiplin ilmu tertentu. Menerusi prinsip dapat dirangkumkan kaedah-kaedah tertentu sebagai asas bagi landasan ilmu yang dapat menjadi panduan dan pegangan umum. Teknik khusus yang biasa dilazimi oleh beliau boleh dipanggil sebagai prinsip. Bahkan, takrifan prinsip itu sendiri jelas menonjolkan nilai kepercayaan atau pegangan yang diyakini oleh seseorang.

4.0 PENGENALAN *QAWA'ID AL-TAFSIR*

4.1 Definisi *Qawa'id al-Tafsir*

Perbincangan takrifan bahasa dan istilah bagi *Qawa'id*¹ telah dikupas oleh penulis pada butiran yang terdahulu. Menurut definisi bahasa *Qawa'id* ertinya kaedah, usul atau asas bagi perkara yang dibina di atasnya. Perkataan *Qaedah* merupakan bentuk jamak dari *Qawa'id* yang bererti hukum, disiplin, peraturan dan asas. Secara istilah *Qawa'id* didefinisikan sebagai hukum, disiplin, sumber, dasar yang digunakan secara umum dan menyeluruh terhadap semua pecahan di bawahnya.

Manakala istilah tafsir berasal dari perkataan bahasa Arab yang merujuk kepada pecahan kalimah “*فسر - يفسر - تفسير*” secara etimologi yang bererti² *الشرح* yang iaitu menerangkan dan menjelaskan serta *كشف المراد عن اللفظ المشكل* yang bermaksud menyingkap lafaz-lafaz yang rumit. Terdapat pelbagai definisi dari sudut istilah bagi perkataan tafsir sepertimana yang didatangkan daripada Imam al-Zarkasyi yang memberikan definisi tafsir sebagai ilmu yang digunakan untuk memahami al-Quran, yang menjelaskan makna-makna bagi al-Quran serta yang mengeluarkan hukum-hukum dan hikmah-hikmah daripadanya.³ Selain itu, tafsir dapat diterjemahkan sebagai proses untuk mengupas, menghurai dan

¹ Rujuk perbincangan terdahulu pada 2.1 Definisi *Qawa'id*. Definisi *Qawa'id* [قواعد] menurut bahasa; merupakan perkataan *jama'* kepada *qaedah* [قاعدَة], berasal daripada perkataan *qa'ada* [قعد] yang bermaksud duduk. Perbuatan duduk menunjukkan keadaan seseorang yang bertapak, mempunyai asas dan kukuh. Maka, perkataan *qa'ada* lebih jelas yang menerangkan maksud usul dan asas bagi perkara yang dibina atasnya selain daripada unsur-unsur lain yang bergantung dengannya. Setiap kaedah adalah asas atau faundasi bagi apa yang berada di atasnya. Sebagai contoh, kaedah bagi rumah adalah struktur binaan asasnya iaitu tapak rumah.

² *Mu'jam Maqayis Lughah* lihat kalimah [فسر], jil.4. h.504.

³ Al-Zarkasyi, Badruddin, (1984) *al-Burhan Fi'Ul-m al-Qur'an*. Kaherah: Maktabah al-Bab al-Halab. Cet.3, jil.2, 146-147.

menjelaskan makna-makna al-Quran, menggali isi kandungannya yang mencakupi aspek kemukjizatannya dari sudut bahasa, penemuan fakta saintifik, penekanan tauhid, hikmah-hikmah dan hukum-hukumnya.

Ringkasnya, menerusi definisi tafsir yang telah dibincangkan, penulis merumuskan bahwa istilah tafsir dirangkumkan kepada empat konsep iaitu tafsir:

- 1) menjadi alat atau medium yang membantu untuk memahami al-Quran.
- 2) merupakan kajian dan penemuan ilmiah untuk menjelaskan kandungan al-Quran.
- 3) adalah ilmu yang diperoleh melalui usaha memahami al-Quran.
- 4) adalah pengetahuan penting yang diperlukan untuk memahami al-Quran.

Peranan tafsir amat luas dan ia menjadi rantaian di antara al-Quran dan *tadabbur*. Al-Quran mengeluarkan ilmu-ilmu manfaat yang digunakan untuk berkhidmat kembali kepada al-Quran. Ilmu tersebut dipanggil sebagai *Ulum al-Quran* (ilmu-ilmu al-Quran). Manakala ilmu tafsir adalah alat atau medium untuk menerangkan, mengupas serta menghuraikan makna al-Quran. Fungsi tafsir amat besar dalam usaha membantu untuk menjelaskan makna al-Quran. Demikian pula **Qawa'id al-Tafsir** adalah penting bagi para pentafsir, yang diperlukan oleh mereka untuk melakukan pentafsiran yang benar berpandukan kaedah. Dalam masa sama mencegah para pentafsir daripada tersasar dan tersalah dalam melakukan pentafsiran al-Quran. Sepertimana ahli bahasa yang berpegang kepada kaedah ilmu nahu, akan mencegahnya daripada kesalahan nahu dalam percakapan dan penulisan. Ini menunjukkan pentafsiran memerlukan kepada keahlian dan kepakaran untuk menguasai ilmu tafsir. Ini kerana ilmu pentafsiran terikat kepada disiplin dan panduan kaedah yang jelas dan tepat untuk melahirkan kefahaman makna yang benar. Salah satu karya yang cukup bernas dan terperinci berkenaan pengertian dan skop perbahasan **Qawa'id al-Tafsir** adalah kitab yang ditulis oleh Khalid bin Usman As-Sabt *yang bertajuk Qawa'id al-Tafsir Jama'atan wa Dirasatan*.¹Kupasan yang dilakukan oleh pengarang kitab tersebut begitu jelas mengenai istilah **Qawa'id al-Tafsir**, fungsi serta konsep perbahasan bagi disiplin ilmu tafsir.

Para ilmunan tafsir yang melakukan pentafsiran ayat-ayat suci Al-Qur'an mereka terlebih dahulu akan menguasai kaedah-kaedah berkaitan dengan kefahaman

¹ Khalid bin Uthman al-Sabt (2008) *Qawa'id al-Tafsir jam'an wa dirasah*, cet.2. Kaherah: Dar ibn 'Affan.

makna kalimat yang akan ditafsirkan. Terdapat beberapa jenis perbahasan **Qawa'id al-Tafsir**¹ antaranya adalah seperti :

1. *'Am* dan *Khas*

'Am adalah lafaz yang memberi pengertian umum yang merangkumi segala sesuatu yang termasuk dalam lingkungannya tanpa ada batasan dalam jumlah mahupun dalam bilangan. Manakala *Khas* adalah lafaz yang menunjuk kepada pengertian yang khusus, terbatas kepada nama, keadaan dan bilangan tertentu.

2. *Mutlaq* dan *Muqayyad*

Mutlaq adalah nas yang menunjuk kepada satu pengertian saja dengan tiada kaitannya pada ayat lain. Manakala, *Muqayyad* adalah nas yang menunjuk kepada satu pengertian, akan tetapi pengertian tersebut harus dikaitkan kepada adanya pengertian yang diberikan oleh ayat nas yang lain.

3. *Mantuq* dan *Mafhūm*

Mantuq adalah makna yang ditunjukkan oleh lafaz dalam pembicaraan atau penuturan manakala *mathum* adalah makna yang difahami di sebalik perbicaraan atau yang tersirat.

4. *Mujmal* dan *Mubayyan*

Mujmal adalah ayat yang menunjukkan kepada sesuatu pengertian yang tidak terang dan tidak terperinci, atau boleh juga dikatakan sebagai suatu lafaz yang memerlukan penafsiran yang lebih jelas. Manakala *Mubayyan* adalah suatu ayat yang diperoleh pada ayat yang lain yang menjelaskan dan menerangkan pengertian ayat tersebut.

5. *Muhkam* dan *Mutasyabih*

Muhkam adalah nas yang tidak memberikan keraguan lagi tentang apa yang dimaksudkannya (nas yang memberikan pengertian yang pasti). Manakala, *Mutasyabih* adalah nas yang mengandungi pengertian yang samar-samar dan mempunyai kemungkinan beberapa erti.

Di samping itu, hakikatnya bagi seorang *mufassir* tidaklah mudah untuk mentafsirkan al-Quran kerana banyak kaedah-kaedah perbahasaan yang perlu dikuasai oleh mereka. Antara perbahasaan kaedah yang dianggap sangat penting, iaitu penguasaan ilmu bahasa Arab seperti:

1. *Damir*

¹ *Ibid.*

Pada dasarnya, *damir* diletakkan untuk mempersingkat perkataan, ia berfungsi untuk mengganti sebutan bagi perkataan yang banyak dan menempatkan perkataan itu secara sempurna, tanpa merubah makna yang dimaksudkan dan tanpa pengulangan.

2. *Isim Ma'rifah* dan *Nakirah*

Perkataan *ma'rifah* mahupun *nakirah* mempunyai fungsi penting yang berbeza. *Isim ma'rifah* adalah kata nama khas bersifat khusus dengan diletakkan “ال” pada perkataan tersebut. Adapun penggunaan *isim nakirah* adalah kata nama umum tanpa disertakan dengan huruf “ال” pada perkataan tersebut.

3. *Mufrad* dan *Jama'*

Sebahagian lafaz dalam al-Qur'an dimufradkan untuk sesuatu makna tertentu dan dijama'kan untuk sesuatu isyarat yang khusus atau diutamakan *jama'* dari *mufrad* dan sebaliknya.

Justeru, *bidang pentafsiran adalah suatu bidang yang mendalam yang memerlukan kepada kepakaran dan keahlian untuk menjelaskan makna ayat-ayat al-Quran. Contoh-contoh perbahasan ilmu Qawa'id al-Tafsir yang didatangkan tersebut menunjukkan ilmu Qawa'id al-Tafsir mempunyai ruang skop perbincangan yang luas. Ilmu Qawa'id tersebut menjadi disiplin ilmu yang amat penting kepada para pentafsir sebagai garis panduan dalam usaha mentafsirkan al-Quran.*

4.2 KESIMPULAN QAWA'ID AL-TAFSIR

Rumusannya, takrifan *Qawa'id Tafsir* yang dimaksudkan ialah kaedah dan disiplin ilmu yang diperlukan oleh para mufassir untuk menghurai dan menerangkan makna bagi ayat-ayat al-Quran. Kaedah-kaedah pentafsiran turut berkait rapat kepada kaedah bahasa, kaedah fiqh, ilmu tauhid dan mua'malat. Penguasaan cabang-cabang ilmu tafsir tersebut amat membantu memberi pencerahan kepada kupasan tafsir. Kaedah mentafsirkan al-Quran meliputi penghayatan terhadap uslub-uslubnya, pemahaman asal kalimahnyanya, penemuan terhadap *ijaznya* dan pengkajian kemukjizatan ayat-ayatNya.

5.0 PERBANDINGAN QAWA'ID AL-TADABBUR DAN QAWA'ID AL-TAFSIR

Istilah *Qawa'id al-tadabbur* memberikan beberapa konotasi tertentu sebagai istilah yang baru diperkenalkan. Penonjolan istilah tersebut berdepan dengan kritikan dan pandangan yang cenderung merubah kepada penggunaan yang

lebih tepat iaitu kepada istilah *manhaj tadabbur*. Hakikatnya, *Qawa'id al-tadabbur* yang dimaksudkan oleh Abd al-Rahman Habannakah adalah garis panduan, landasan kepercayaan yang diyakini melalui kemahiran dan usaha berterusan untuk memahami dan menghayati maksud ayat-ayat al-Quran. *Tadabbur* berhasil berdasarkan saluran isyarat-isyarat tertentu sehingga mencapai makna ayat yang syumul sepertimana yang dikehendaki Allah s.w.t. Oleh itu, *Qawa'id al-tadabbur* bukanlah kaedah untuk menghuraikan ayat dan mentafsirkan ayat al-Quran, yang jelas berbeza dengan *Qawa'id al-Tafsir*. Bahkan, secara tepat *Qawa'id al-tadabbur* adalah suatu asas, teknik seseorang memahami dan menghayati maksud ayat-ayat al-Quran berdasarkan kepada isyarat-isyarat dan panduan ilmu tertentu untuk mencapai makna al-Quran yang syumul. **Manakala** *Qawa'id al-Tafsir jelas berbeza iaitu kaedah yang terikat dengan disiplin ilmu tafsir dan panduan khusus kepada para pentafsir untuk mentafsir dan menjelaskan makna bagi ayat-ayat al-Quran.*

Tuntasnya, amalan *tadabbur* tidak terikat kepada satu teknik yang khusus. Ini kerana pada asasnya *tadabbur* suatu amalan atau cara memahami dan menghayati al-Quran yang tidak terbatas kepada keahlian atau kepakaran. Sebagaimana, yang disebut oleh syaikh Musa'id al-Tayyar memadamkan seseorang yang terkesan dengan ayat al-Quran itu sudah dikira *tadabbur* pada tahap minima sekalipun ia tidak memahami makna ayat tersebut.¹ Manakala, tafsir memerlukan kepakaran ilmunan tafsir untuk menghurai dan menjelaskan makna bagi ayat-ayat al-Quran yang tersurat atau tersirat. Bahkan, pentafsiran turut melibatkan golongan profesional seperti doktor, jurutera, geologis, kaunserlor, guru, peguam, saintis dan sebagainya yang dapat membantu para pentafsir untuk mendapatkan bukti pendalilan dan fakta pengkajian berkenaan sesuatu isu sebagai maklumat sokongan kepada penghujahan al-Quran. Namun, hakikat seruan men*tadabbur* al-Quran terbuka kepada semua manusia dan tidak khusus kepada golongan berkepakaran dalam bidang al-Quran sahaja. Seruan *tadabbur* tersebut termasuklah kepada golongan kafir yang menafikan iman kepada Allah serta golongan munafik yang menyembunyikan kekufuran mereka kepada Allah.² Demikian itu, untuk mengajak mereka berfikir dan merenung peringatan ayat-ayat Allah agar mendapat pengajaran dan petunjuk.

¹ Musa'id bin Sulaiman bin Nasir al-Tayyar (2002) *Mathum al-Tafsir wa al-Takwil wa al-Istinbat wa al-Tadabbur wa al-Mufassir*. Jeddah: Dar al-Jawzy, 86.

² Surah Muhammad: 24, yang bermaksud: "tidakkah mereka memerhatikan ayat al-Quran atau adakah hati mereka telah terkunci?". Secara jelas ayat ini menemplak bagi sesiapa (samada muslim atau tidak) yang mendengar atau membaca al-Quran namun tidak mengendahkan mesej yang disampaikan meneruskannya.

Justeru, perbezaan utama yang dapat ditonjolkan oleh penulis antara **Qawa'id al-Tafsir** dan *Qawa'id al-tadabbur* merangkumi tiga perkara, pertama adalah pada pentakrifan: Tafsir: adalah aktiviti penerangan dan penjelasan. Manakala *Tadabbur*: adalah penelitian, pemerhatian dan pengkajian terhadap ayat-ayat al-Quran sehingga ke penghujung makna. Kedua, **Qawa'id al-Tafsir** adalah wasilah kepada pentafsir untuk menghuraikan makna al-Quran manakala *Qawa'id al-tadabbur* merupakan teknik atau pendekatan seseorang untuk mencapai matlamat berinteraksi dengan al-Quran iaitu memahami dan terkesan dengan ayat-ayat al-Quran. Ketiga, matlamat tafsir adalah untuk menjelaskan makna al-Quran, manakala *tadabbur* ialah mengambil iktibar dengan tujuan mengamalkan dalam kehidupan. Isyarat yang didatangkan menjelaskan fungsi serta konsep *tadabbur* dan tafsir adalah berbeza. Meskipun begitu ia saling berkaitan di mana tafsir menjadi wasilah untuk mencapai *tadabbur* al-Quran. Demikian juga *tadabbur* melengkapinya tujuan seseorang mentafsirkan ayat-ayat al-Quran. Oleh itu, kaedah amat penting dan diperlukan untuk membentuk kefahaman al-Quran yang benar. Kefahaman yang benar lahir daripada proses *tadabbur* dan pentafsiran yang menepati kehendak Allah s.w.t berdasarkan pendalilan dan isyarat-isyarat yang tepat.

6.0 KESIMPULAN

Rumusannya, merujuk perbincangan dan kupasan definisi di atas penulis cuba melakukan perbandingan dan perkaitan antara dua istilah *Qawa'id* ini yang merujuk kepada dua penulisan iaitu kitab *Qawa'id al-Tadabbur*¹ dan kitab *Qawa'id al-Tafsir*². Hasil dapatan merumuskan wujud perbezaan jelas bidang ilmu antara keduanya. Namun, perkaitan kedua-duanya tetap rapat di mana untuk menguasai *tadabbur* antara elemen penting yang perlu dikuasai adalah ilmu *Qawa'id al-Tafsir* sebagai jambatan atau medium memahami makna al-Quran. Kemahiran *tadabbur* diperolehi melalui kelaziman seseorang mendampingi al-Quran dan senantiasa berinteraksi dengan mesej-mesej al-Quran, mengkaji hikmah-hikmah yang terkandung di dalamnya, membongkar rahsia dan keajaiban al-Quran sebagai mukjizat *kubra* sehingga al-Quran benar-benar dijiwai dan berfungsi dalam kehidupan. Melalui usaha *tadabbur* para ilmuwan tafsir dan cendekiawan semasa dapat memperluas dan mengembangkan pentafsiran bersesuaian dengan peredaran dan perubahan zaman. Demikian itu,

¹ Abd al-Rahman Habannakah (2004) *Qawaid al-Tadabbur Amthal li Kitab Allah*. Damsyik: Dar al-Qalam. Cet.3

² Khalid bin Uthman al-Sabt (2008) *Qawa'id al-Tafsir jam'an wa dirasah*. Kaherah: Dar Ibn 'Affan. Cet.2, jil.1

fungsi ilmu *Qawa'id al-Tafsir* membantu para ulama' dan pengkaji al-Quran mendekati dan berinteraksi dengan ayat-ayat al-Quran berlandaskan kaedah dan disiplin ilmu yang tepat. Demikian itu, adalah antara usaha dan sumbangan besar para ulama yang mendatangkan panduan bagi membantu masyarakat mentadabbur al-Quran.

REFERENCES:

- A. Muin Umar (1978), *Orientalisme dan Studi Tentang Islam*, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- 'Uwayd al-'Atawi. *al-Tadabbur 'inda al-Lughawiyin* (2009) Kertas Kerja Persidangan *Mathum Tadabbur tahrir wa ta'si*. Markaz Tadabbur.
- Abd al-Rahman Habannakah (2004) *Qawa'id tadabbur al-Amthal li Kitab Allah*. Damsyik: Dar al-Qalam, cet.3.
- Abu Hayyan, M. Y. (1999) *al-Bahr al-Muhit*. Beirut: Dar al-Fikr, , jil.9.
- al-'Askary, A. Y. *Furu' al-Lughawiyah*.
- al-Khazin, 'Ali ibn Muhammad al-Khazin (1955) *Lubaab al-Ta'wil fi ma'aani al-Tanzil*, Kaherah: Matba' al-Mustafa al-Babi al-Halabi wa awladih, jil.2
- al-Qurtubi, Muhammad ibn Ahmad (1987) *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Misr: al-Hai'ah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Kitab. Jil.5
- al-Suyuti, Jallal al-Din 'Abd al-Rahman. *al-Itqan fi Ulum al-Quran*. cet.1 (Beirut: Dar kutub al-Ilmiah) jil.1.
- al-Tabari, A. J. (1995) *Jami' al-Bayan 'an al-Ta'wil Ay al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Fikr. Jil. 1 & jil.5.
- al-Zarkasyi, Badruddin, (1984) *al-Burhan Fi'Ul-m al-Qur'an*. Kaherah: Maktabah al-Bab al-Halab. Cet.3, jil.2.
- al-Zamakhsyari. *Al-Kasyaf 'An Haqa'iq at-Tanzil Wa 'Uyun al-Aqawil Fi Wujuh at-Ta'wil*, jil.1.
- Ibn Taimiyah (2008) *Syarah Muqaddimah Tafsir*. ed. Muhammad Salih al-'Uthaimin, Salih bin Abd al-Aziz. Kaherah: Dar Ibn Hazm.
- Jurjani, A. S. (1990) *al-Ta'rifat*. Beirut: Maktabat Lubnan.
- Khalid bin Uthman al-Sabt (2008) *Qawa'id al-Tafsir jam'an wa dirasah*. Kaherah: Dar Ibn 'Affan. Cet.2, jil.1

Mahmud al-Alusi. *Ruh al-Ma'ani fi al-Tafsir al-Quran al-'Adzim*. juz.5, 92.

Maqatil bin Sulaiman Balkhi (2002) *Tafsir Maqâtil bin Sulaiman*. Cet. Pertama. Beirut: Dar Ihya' al- Turats. jil. 4.

Musa'id bin Sulaiman bin Nasir al-Tayyar (2002) *Mathum al-Tafsir wa al-Takwil wa al-Istinbat wa al-Tadabbur wa al-Mufasssir*. Jeddah: Dar al-Jawzy.